

Jawapan Praktis Esei

Unit 1: Kenali Moral

1. Haiwan merupakan makhluk ciptaan Tuhan yang mempunyai perasaan dan keperluan untuk hidup. Namun, masih ada manusia yang menyakiti atau mengabaikan haiwan peliharaan.

- (a) Nyatakan **dua** contoh perbuatan baik terhadap haiwan yang boleh diamalkan oleh manusia.

Memberi makanan dan minuman yang mencukupi kepada haiwan peliharaan

Merawat haiwan yang sakit atau cedera

(2 markah)

- (b) Berdasarkan nilai universal yang dipelajari, huraikan kepentingan mengamalkan perbuatan baik terhadap haiwan dalam kehidupan seharian.

Watak: Kita

Nilai: Nilai toleransi, nilai hormat, nilai bertanggungjawab

F1 Menghormati tempat ibadat pelbagai agama

H1 Rakyat Malaysia perlu menjaga adab apabila berada di tempat ibadat agama lain

H2 Tindakan menghormati tempat ibadat menunjukkan kita prihatin terhadap sensitiviti keagamaan

C1 Murid menanggalkan kasut dan tidak bercakap kuat ketika melawat kuil semasa lawatan sekolah

F2 Menyertai sambutan perayaan pelbagai kaum dan agama

H1 Menghadiri rumah terbuka atau sambutan perayaan menunjukkan semangat perpaduan

H2 Melalui interaksi sebegini, kita dapat mengenali budaya dan kepercayaan orang lain dengan lebih dekat

C2 Rakan berbangsa Cina menghadiri rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri bersama keluarganya

(8 markah)

Unit 4: Hidup Beragama atau Berkepercayaan Membawa Berkat

2. Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai agama dan kepercayaan. Setiap penganut agama mengamalkan cara hidup berbeza mengikut kepercayaan masing-masing.

- (a) Nyatakan kepentingan hidup beragama atau berkepercayaan dalam kehidupan seharian.

Hidup beragama membantu seseorang mendekatkan diri kepada Tuhan dan memperoleh ketenangan jiwa. Ia juga membimbing individu membuat keputusan yang betul serta mengelakkan diri daripada melakukan perkara negatif.

(2 markah)

- (b) Berdasarkan nilai universal yang dipelajari, huraikan cara-cara rakyat Malaysia dapat menghormati kepelbagaian amalan keagamaan atau kepercayaan bagi mengekalkan perpaduan dalam masyarakat.

Watak: Rakyat Malaysia

Nilai: Nilai toleransi, nilai hormat, nilai bertanggungjawab

F1 Menghormati tempat ibadat pelbagai agama

H1 Rakyat Malaysia perlu menjaga adab apabila berada di tempat ibadat agama lain

H2 Tindakan menghormati tempat ibadat menunjukkan kita prihatin terhadap sensitiviti keagamaan

C1 Murid menanggalkan kasut dan tidak bercakap kuat ketika melawat kuil semasa lawatan sekolah

F2 Menyertai sambutan perayaan pelbagai kaum dan agama

H1 Menghadiri rumah terbuka atau sambutan perayaan menunjukkan semangat perpaduan

H2 Melalui interaksi sebegini, kita dapat mengenali budaya dan kepercayaan orang lain dengan lebih dekat

C2 Rakan berbangsa Cina menghadiri rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri bersama keluarganya

(8 markah)

Unit 7: Bijaksana Memilih Sahabat

3. Gambar menunjukkan sahabat yang baik.



(a) Nyatakan **dua** ciri sahabat negatif.

Mengharapkan balasan

Melanggar peraturan

(2 markah)

(b) Jelaskan kebaikan yang akan kita peroleh sekiranya menjalin persahabatan yang berciri positif.

F1 Dapat belajar bersama-sama

H1 Sahabat positif akan sentiasa memberikan dorongan kepada kita untuk berusaha demi mencapai kejayaan

H2 Membantu kita menggunakan masa dengan berfaedah dan tidak membuang masa

C1 Mengulang kaji pelajaran semasa peperiksaan bersama-sama

F2 Mendapat bantuan dan sokongan moral secara ikhlas

H1 Mereka akan sentiasa menegur dan memberikan nasihat kerana mereka tidak mahu melihat kita berbuat salah

H2 Mereka akan sentiasa membantu dan memberikan dorongan kepada kita untuk mencapai kejayaan

C2 Sahabat yang baik akan sanggup membantu ketika kita sakit

(8 markah)

Unit 9: Keselamatan Tempat Tinggal Tanggungjawab Bersama

4. Keselamatan di kawasan tempat tinggal amat penting bagi menjamin kesejahteraan hidup penduduk. Namun, masih terdapat kes pecah rumah, ragut dan penculikan yang sering berlaku di kawasan perumahan.

- (a) Berikan langkah-langkah yang boleh dilaksanakan untuk mengekalkan keselamatan di kawasan tempat tinggal.

Menyertai aktiviti rondaan Rukun Tetangga atau Skim Rondaan Sukarela (SRS)

Melaporkan kepada pihak berkuasa jika melihat kejadian yang mencurigakan

(2 markah)

- (b) Terangkan peranan yang boleh dimainkan oleh remaja untuk membantu mengekalkan keselamatan di kawasan tempat tinggal.

F1 Sentiasa peka terhadap keadaan sekeliling

H1 Remaja perlu berhati-hati dan berwaspada terhadap situasi di persekitaran rumah mereka

H2 Kepekaan ini membantu mengesan aktiviti mencurigakan dan mencegah jenayah daripada berlaku

C1 Melaporkan kepada ibu bapa atau pihak berkuasa jika ternampak orang yang tidak dikenali berlegar-legar di kawasan perumahan

F2 Mengamalkan sikap bekerjasama dengan jiran tetangga

H1 Kerjasama antara jiran dapat memastikan kawasan perumahan sentiasa berada dalam keadaan selamat

H2 Hubungan kejiiran yang erat membolehkan penduduk saling membantu jika berlaku kecemasan

C2 Menyertai aktiviti gotong-royong atau program Rukun Tetangga di kawasan perumahan

(8 markah)

Unit 12: Remaja Berhemah Harapan Negara

5. Remaja ialah aset penting negara yang akan menjadi pemimpin pada masa hadapan. Remaja yang berhemah mampu menjaga imej negara serta menjadi kebanggaan keluarga dan masyarakat.

- (a) Nyatakan **dua** ciri remaja berhemah yang perlu ada dalam diri setiap remaja.

Berakhlak mulia dan menghormati orang lain

Gigih berusaha dalam pelajaran dan kehidupan

(2 markah)

- (b) Jelaskan cara-cara yang boleh diamalkan oleh remaja untuk menjadi remaja berhemah dan berakhlak mulia.

F1 Bertingkah laku sopan dan berbudi bahasa dalam pergaulan

H1 Sikap sopan menjadikan remaja disenangi serta mencerminkan keperibadian yang mulia

H2 Perlakuan sopan menunjukkan kematangan yang tinggi

C1 Menggunakan bahasa yang sopan ketika berurusan dengan guru, orang dewasa atau pihak berkuasa

F2 Gigih berusaha mencapai kejayaan dalam pelajaran dan kehidupan

H1 Remaja berhemah sentiasa berusaha keras untuk mencapai matlamat hidup tanpa mudah berputus asa

H2 Sikap rajin dan tekun dapat meningkatkan keyakinan diri serta memberi sumbangan kepada negara

C2 Belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan

(8 markah)

Unit 14: Hindari Ketagihan Hidup Sejahtera

6. Sejak kebelakangan ini, ramai remaja menghabiskan masa berjam-jam melayari media sosial seperti TikTok, Instagram dan YouTube. Mereka menjadi ketagih sehingga mengabaikan pelajaran, tidak cukup tidur dan jarang berinteraksi dengan keluarga. Ketagihan ini boleh menjejaskan kesihatan mental serta hubungan sosial remaja.

- (a) Nyatakan **dua** kesan ketagihan media sosial terhadap diri remaja.

Mengabaikan pelajaran kerana terlalu asyik melayari media sosial

Kurang tidur dan hilang tumpuan semasa belajar

(2 markah)

- (b) Berdasarkan nilai universal yang dipelajari, huraikan cara-cara yang dapat diamalkan oleh remaja untuk mengelakkan diri daripada ketagihan media sosial.

Watak: Remaja

Nilai: Nilai harga diri, nilai rasional, nilai kebebasan

F1 Menetapkan had masa penggunaan media sosial

H1 Remaja perlu mengawal tempoh penggunaan gajet dan media sosial setiap hari supaya tidak berlebihan

H2 Kawalan masa membantu memastikan aktiviti harian seperti belajar, berehat dan bersosial seimbang

C1: Menghadkan penggunaan media sosial kepada satu jam sehari selepas menyiapkan kerja sekolah

F2 Mengisi masa lapang dengan aktiviti berfaedah

H1 Masa lapang yang digunakan untuk aktiviti sihat dapat mengelakkan remaja daripada melayari media sosial secara berlebihan

H2 Aktiviti positif meningkatkan kemahiran sosial dan kesihatan fizikal

C2 Menyertai kelab sukan, membaca buku atau menyertai aktiviti kebajikan di sekolah

(8 markah)

Unit 17: Rasuah Musuh Negara

7. Rasuah merupakan musuh utama negara yang memberi kesan buruk terhadap pelbagai aspek kehidupan.

- (a) Nyatakan bentuk-bentuk suapan yang dikaitkan dengannya berdasarkan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Wang / Hadiah / Jawatan

Upah / Diskaun / Bonus

(2 markah)

- (b) Jelaskan cara berkesan yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan untuk membanteras jenayah rasuah demi kesejahteraan masyarakat.

F1 Kerajaan perlu memastikan penguatkuasaan undang-undang dilakukan secara menyeluruh dan tanpa kompromi

H1 Ini termasuk mendakwa pesalah rasuah tanpa mengira pangkat atau kedudukan mereka

H2 Selain itu, kerajaan mesti mengenakan hukuman atau denda yang lebih berat serta tempoh penjara yang lebih lama kepada pesalah rasuah

C1 Pesalah rasuah boleh dihukum penjara tidak melebihi 20 tahun dan didenda lima kali ganda nilai suapan atau RM10 000 atau mana-mana yang lebih tinggi

F2 Pendidikan pencegahan rasuah perlu diserapkan secara berterusan kepada masyarakat

H1 Kerajaan bertanggungjawab untuk memasukkan elemen membenci rasuah dalam mata pelajaran di sekolah

H2 Tindakan ini bertujuan untuk menanamkan sifat integriti, kejujuran, dan membenci rasuah sejak dari peringkat awal lagi

C2 Kerajaan melalui agensi seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu mengadakan kempen iklan yang efektif dengan menggunakan pelbagai media massa untuk menyedarkan masyarakat tentang bahaya jenayah rasuah

(8 markah)